

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan akhbar perlu mempunyai sikap bertanggungjawab dan tidak mengutamakan kewartawanan yang memisahkan sama sekali kepentingan-kepentingan negara.

Beliau mengingatkan bahawa akhbar dan media massa juga mempunyai tanggungjawab terhadap pembangunan negara, sama seperti pihak-pihak lain di negara ini.

Katanya, dalam masyarakat moden, media massa memainkan tugas yang lebih besar, malah di Barat, ia dianggap kuasa keempat dalam sesebuah negara.

"Bila akhbar atau media massa mempunyai kuasa, ia juga terdedah kepada penyalahgunaan kuasa," katanya dalam akhbar **Merdeka**, keluaran terbaru.

Perdana Menteri mengingatkan pemberitaan yang tidak tepat dan kabur boleh mengelirukan serta memberi kesan buruk terhadap pemikiran pembaca.

PM mahu wartawan ketepikan kepentingan diri

Kadangkala, tegasnya, ada pemberita menulis sesuatu berita semata-mata untuk menonjolkan kebolehannya, tanpa mementingkan kebenarannya.

Sensasi

Oleh itu, katanya, wartawan, seperti juga golongan lain di negara ini perlu bertanggungjawab dan mengeneipkan kepentingan sendiri dalam usaha menyebarkan berita kepada orang ramai.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di Barat, media massa dianggap berkuasa menaikkan atau menjatuhkan sesuatu golongan dan kerajaan.

Katanya, dalam usaha melariskan sesebuah akhbar, laporan-laporan menarik disiarkan, dengan mengeneipkan sama ada ia benar atau boleh memberi kesan negatif kepada pembaca.

"Misalnya, dalam sesuatu ucapan, penceraamah mungkin menekankan sesuatu perkara yang pada pandangan-pandangan penting dan perlu diketengahkan. Tetapi, kerap kali kita mendapati ada pemberita membuat laporan mengenai perkara lain yang kecil dan tidak penting, menyebabkan laporan itu terkeluar daripada maksud sebenar ucapan.

"Malah, mereka menulis perkara yang tidak benar atau sukar ditentu-

kan kebenarannya untuk menjadikan laporan lebih sensasi.

"Kadangkala ia membabitkan peribadi seseorang yang tidak mampu mempertahankan dirinya kerana tidak mempunyai ruangan khas dalam media massa atau tidak berupaya membawanya ke mahkamah kerana akan menelan belanja besar," jelasnya.

Perbuatan seperti ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir, menakutkan sesiapa yang menjadi sasaran dan menyebabkan penyalahgunaan kuasa.

Beliau juga menegur keghairahan akhbar melaporkan berita-berita jenayah secara besar-besaran pada masa lalu, sehingga sesiapa juga yang datang ke Malaysia akan berpendapat bahawa negara ini penuh dengan segala keburukan, penyamun, perogol dan sebagainya.

"Memang benar apa yang berlaku, tetapi tidak meluas seperti yang dilaporkan sehingga boleh memburukkan imej negara," tambahnya.

Di samping itu, katanya ada setengah pemberita yang meniru cara-cara pemberitaan di Barat sedangkan masyarakat negara ini tidak sama dengan masyarakat di sana.

"Misalnya di Barat, sebagai satu cara menjayakan akhbar, mereka membuat laporan untuk mendedahkan sesuatu. Memang pendedahan semacam ini baik tetapi kadangkala perkara tidak benar turut diperkatakan," tegasnya.

Oleh itu, katanya, akhbar dan media massa perlulah bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha membangunkan negara.